

LBS CAPAI MERCU TANDA PENTING DENGAN PEMBIAYAAN HIJAU RM88.4 JUTA DARIPADA ALLIANCE BANK BAGI PROJEK LADANG SOLAR 43 MWP

Petaling Jaya, 9 Jun 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, hari ini mengumumkan bahawa anak syarikatnya, Suria Hijauan Sdn Bhd, telah memperoleh kemudahan pembiayaan hijau berjumlah RM88.4 juta daripada Alliance Bank Malaysia Berhad bagi membiayai kos Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (“EPCC”) untuk projek ladang solarnya yang berkapasiti 43 MWp.

Projek ini, yang dilaksanakan di bawah Program Tenaga Hijau Korporat, terletak di Senawang, Negeri Sembilan dan dijadualkan siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025. Ladang solar tersebut dijangka akan menjana pendapatan stabil dan berulang, sekali gus mengukuhkan daya tahan pendapatan jangka panjang serta menzahirkan komitmen LBS terhadap pembangunan mampan.

Ladang solar ini dijangka akan menjana kira-kira 53,000 MWh tenaga bersih setiap tahun, sekali gus mengimbangi sekitar 35,000 tan pelepasan karbon secara berkesan. Atlantic Blue Sdn Bhd, anak syarikat kepada Solarvest Holdings Berhad, telah dilantik sebagai kontraktor EPCC di bawah kontrak bernilai RM104.0 juta, dengan kepakarannya dalam melaksanakan projek solar berskala besar.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San mengulas, “Pembiayaan Hijau ini menandakan satu mercu tanda penting bagi LBS dalam usaha memperluaskan portfolio kami ke dalam industri tenaga boleh diperbaharui, sekali gus mengukuhkan komitmen kami terhadap kelestarian. Kejayaan mendapat kemudahan kredit daripada institusi kewangan ternama seperti Alliance Bank menunjukkan potensi kukuh dalam mengusahakan tenaga boleh diperbaharui kami serta keupayaan untuk memperluaskan inisiatif dalam sektor ini. Sokongan ini mencerminkan keyakinan terhadap hala tuju strategik dan kekuatan kewangan kami, selain memudahkan pelaksanaan projek ini dengan jayanya”

“Inisiatif ini bukan sahaja selaras dengan aspirasi kami untuk memberi impak positif terhadap alam sekitar, malah secara strategik, melengkapi teras perniagaan pembangunan hartanah kami dengan mengintegrasikan produk masa hadapan bersama penyelesaian tenaga boleh diperbaharui. Secara tidak langsung, ia turut

menyumbang kepada matlamat pengurangan pelepasan karbon di negara kami, seterusnya menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi berkarbon rendah.” tambah beliau.

Menyuarakan keyakinannya terhadap projek ini, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Alliance Bank, Kelle Kam berkata, “Di Alliance Bank, kami percaya bahawa institusi kewangan memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan mampan. Kami berasa berbesar hati dapat bekerjasama dengan LBS, sebuah syarikat yang nilai dan visinya sejajar dengan aspirasi kami.”

Beliau menambah, “Pengumuman hari ini bukan sekadar pelancaran sebuah projek, ia turut merupakan titik permulaan bagi perjalanan dan matlamat di mana kami amat berbangga untuk menjadi sebahagian daripadanya”.

Tamat